

14 NOV 1999

Shahidan

SHAHIDAN SERAH KEDUDUKANNYA KEPADA DR MAHATHIR

KANGAR, 14 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata bahawa beliau masih berminat untuk menjadi calon pilihan raya umum peringkat dewan undangan negeri.

Katanya ini berdasarkan sokongan padu kepadanya untuk terus bertanding kerusi dewan undangan negeri.

Bagaimanapun, beliau akan akur terhadap sebarang keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Laporan akhbar hari ini bahawa Shahidan ialah seorang daripada lima menteri besar dan seorang ketua menteri yang nasib mereka akan ditentukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Mengulas laporan itu, Shahidan, yang juga Pengerusi BN negeri, berkata beliau hanya menunggu keputusan Dr Mahathir.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan makanan kepada penduduk Kampung Mengkuang Layar di sini petang ini, Menteri Besar berkata makin ramai anggota parti PAS yang meninggalkan parti pembangkang itu sejak akhir-akhir ini.

Dalam tempoh dua hari, kira-kira 100 anggota PAS telah mengisytiharkan keluar dari parti itu untuk menyertai Umno.

Mereka termasuk 19 anggota PAS cawangan Kampung Kebun dan 29 orang dari Kampung Surau yang keluar dari PAS hari ini.

-- BERNAMA

AD NAK